

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
(PAYA BESAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.11.2016

Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dakwaan pihak tertentu bahawa berlaku kenaikan cukai GST lebih enam peratus pada hujung tahun 2016 ini dan setakat mana hasil cukai GST ini dibelanjakan serta senaraikan agihan perbelanjaan hasil kutipan GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula kadar GST yang pada masa ini ditetapkan pada 6%. Kadar yang ditetapkan tersebut adalah berdasarkan kajian terperinci yang dibuat untuk memastikan kadar

GST yang dikenakan adalah yang paling berseesuaian dengan mengambilkira antara lain kedudukan kadar cukai yang telah dilaksanakan sebelum pelaksanaan GST iaitu cukai jualan pada kadar umum 10 peratus bagi barangan yang diimport dan dikilangkan dalam negara dan cukai perkhidmatan pada kadar 6 peratus bagi perkhidmatan tertentu. Di samping itu, pelbagai faktor lain seperti komposisi sumbangan hasil daripada sektor tertentu, beban cukai ke atas pengguna, struktur cukai pendapatan dan pakej bantuan kepada pengguna dan perniagaan juga telah diambilkira dalam penetapan kadar GST tersebut selaras dengan objektif untuk mewujudkan sistem percukaian yang berdaya saing dalam jangka panjang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua hasil cukai GST dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama-sama dengan cukai langsung dan cukai tidak langsung selainnya yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan. Seterusnya kutipan cukai tersebut dikembalikan sebagai agihan peruntukan bagi tujuan pembangunan negara seperti menambah baik sektor pendidikan, kesihatan, pembangunan dan penambahbaikan infakstruktur untuk manfaat rakyat serta mengikut keperluan projek untuk pembangunan di sesebuah negeri.